

Literasi abad 21 Bahagian 6 (Terakhir)



Dr. Ali Qassem

www.aliqassem.com

Pada hari ini, untuk mendapatkan pekerjaan, mengekalkan pekerjaan itu serta dapat menyumbang kepada masyarakat, anda memerlukan pelbagai jenis kemahiran yang berbeza yang diperlukan oleh anda dalam menempuhi abad ke-21.

Literasi abad 21 termasuklah literasi asas, literasi saintifik, literasi ekonomi, literasi teknologi, literasi maklumat, literasi visual, literasi kepelbagaian budaya dan kesedaran global.

Literasi yang akan dibicara dalam rencana terakhir ini adalah tentang Kecerdasan Emosi (*Emotional Intelligence Quotient*) dan Literasi Kepelbagaian Budaya.

Setiap manusia dilahirkan dengan empat keupayaan; empat dimensi; empat tahap kecerdasan. Mereka adalah IQ (*Intelligence Quotient*), BQ

(*Body Intelligence Quotient*), SQ (*Spiritual Intelligence Quotient*), dan EQ (*Emotional Intelligence Quotient*).

Kecerdasan emosi adalah keupayaan untuk memahami perasaan diri sendiri dan orang lain. Ia juga adalah untuk mengetahui bagaimana berkomunikasi dengan orang lain, menghormati orang lain, mendengar, prihatin dan membantu orang lain. Ia juga membantu dalam menunjukkan jenis perlakuan terhadap orang lain, sama ada yang positif atau negatif.

Encyclopedia Britannica menerangkan tingkah laku manusia sebagai, "Potensi dan kapasiti untuk aktiviti fizikal, mental, dan sosial dalam fasa kehidupan manusia." Tingkah laku dan interaksi ini dikawal dan sangat dipengaruhi oleh sikap, yang merupakan perasaan kita terhadap seseorang, sesuatu atau peristiwa.

Kehidupan secara umumnya, sama ada dalam perniagaan, pekerjaan, atau sebagai sebuah organisasi, semuanya adalah berkaitan dengan orang. Ia adalah mengenai membina hubungan dengan orang lain, berkomunikasi dan berurusan dengan mereka.

Oleh itu, mempunyai tahap kecerdasan emosi yang tinggi adalah perlu untuk literasi hari ini; kerana tiada mana-mana bidang atau organisasi yang boleh mencapai kejayaan yang cemerlang tanpa bantuan orang lain. Seseorang perlu menguasai pelbagai kemahiran interpersonal yang diperlukan untuk mengekalkan hubungan, gaya hidup yang selesa dan kerjaya.

Theodore Roosevelt berkata, "Ramuan paling penting dalam formula kejayaan

adalah mengetahui bagaimana untuk bercampur gaul dengan orang lain.”

Kecerdasan emosi juga termasuk kemahiran interpersonal (orang atau *soft skills*). Ahli psikologi Daniel Coleman menekankan kepentingan *soft skills* dengan menyatakan, “*Soft skills* adalah satu set kombinasi kecekapan yang memberi keupayaan kepada seseorang untuk mengurus diri dan perkara-perkara yang berkaitan dengan orang lain. *Soft skills* sama penting dengan IQ atau kemahiran teknikal dalam kejayaan kerjaya seseorang.”

Gologan bijaksana mentakrifkan budaya sebagai, “ Satu aspek yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat resam dan mana-mana kapasiti serta tabiat lain yang diperlukan oleh manusia sebagai ahli komuniti.” [Eric Taylor, 1958]

Budaya adalah penyampaian isi kandungan dan pola nilai yang diwujudkan, dan lain-lain sistem simbolik bermakna sebagai faktor dalam pembentukan tingkah laku manusia serta artifak yang dihasilkan melalui tingkah laku. [Talcott Parson & Alfred Kroeber, 1958]

“Budaya adalah pengaturcaraan minda secara kolektif, yang membezakan seseorang dalam kumpulan tertentu atau kategori dengan yang lain.” [Hofstede, Geert, 1991]

Budaya adalah satu cara hidup yang memberikan identiti, makna, dan kesejahteraan anggota masyarakat. Ia juga adalah jumlah pola kepercayaan, adat, amalan, undang-undang, dan tujuan anggota masyarakat diwujudkan. Sumber yang diwarisi daripada nenek

moyang mereka dan kepercayaan yang berlainan membezakan mereka daripada anggota-anggota lain dalam masyarakat yang lain.

Teknologi canggih hari ini dan internet telah mendekatkan manusia seluruh dunia dan ini memudahkan individu-individu daripada budaya dan latar belakang yang berlainan untuk berinteraksi bersama-sama.

Dalam usaha untuk bekerjasama dengan orang lain dari latar belakang yang berbeza, seseorang mesti belajar, menghargai, dan memahami kepercayaan dan nilai-nilai yang ada seseorang itu atau masyarakatnya.

Seseorang mesti sedar bagaimana kepercayaan budaya, nilai, dan perasaan memberi kesan kepada cara seseorang itu berfikir dan berkelakuan. Kita semua perlu menghargai dan menerima persamaan serta perbezaan dari segi kepercayaan, penampilan, gaya hidup dan peka kepada isu-isu ketidakadilan, perkauman, prejudis, dan seumpamanya.

Peningkatan tahap literasi anda boleh diperolehi dengan mengenalpasti kelemahan diri dan menjadikan mereka sebagai kekuatan. Sentiasa terus menerus mendapat maklumat dan pengetahuan tambahan untuk ditukarkan dalam tindakan dan dijadikan amalan. Ini akan membolehkan anda untuk menjadi seseorang yang lebih baik, fleksibel dan mampu untuk menyesuaikan diri kepada perubahan dunia yang pesat dan berterusan.